



PEMBERITAHUAN

Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) (Pindaan) (No. 4) 2015

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dengan ini mengumumkan bahawa **Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) (Pindaan) (No. 4) 2015 [PU(A) 137/2015]** telah diwartakan pada **1 Julai 2015** dan akan berkuatkuasa mulai **1 Oktober 2015** seperti yang telah disiarkan dalam laman portal Jabatan Peguam Negara pada pautan berikut www.federalgazette.agc.gov.my

Pindaan ini melarang pengimportan produk-produk hibrid **KECUALI** yang diperakui di bawah Peraturan-peraturan Komunikasi dan Multimedia (Standard Teknik) 2000 dan mengikut tatacara yang ditetapkan.

Produk-produk hibrid adalah produk yang fungsi utamanya bukan untuk komunikasi tetapi disepadukan dengan modul komunikasi seperti Wi-Fi, Bluetooth, NFC, GSM, 3G dan 4G untuk disambung kepada rangkaian komunikasi awam atau untuk radio komunikasi menggunakan frekuensi sehingga 420 THz. Produk-produk yang tertakluk kepada pindaan ini ialah kelengkapan elektrik, komputer peribadi, peranti perubatan, peralatan mainan alat kawalan jauh dan peralatan mainan video yang disepadukan dengan modul komunikasi.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:-

**Jabatan Pembangunan Standard
Bahagian Teknologi dan Masyarakat
Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan**
Tel: +60 (3) 86 88 80 00 Faks: +60 (3) 86 88 10 00

www.mcmc.gov.my



NOTICE

Customs (Prohibition Of Imports) (Amendment) (No. 4) Order 2015

Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC) hereby announces that the **Customs (Prohibition of Imports) (Amendment) (No. 4) Order 2015 [PU (A) 137/2015]** was gazetted on **1 July 2015** and will take effect from **1 October 2015** as published on the Attorney General's Chambers of Malaysia official portal at the following link www.federalgazette.agc.gov.my

The amendment will prohibit the importation of hybrid products **UNLESS** these products are certified under the Communications and Multimedia (Technical Standards) Regulations 2000 and in the manner provided.

Hybrid products are those whose primary functions are not for communication but are integrated with communication modules such as Wi-Fi, Bluetooth, NFC, GSM, 3G and 4G for connection to a public communication network or for radio communication utilising the frequency band up to 420 THz. The products covered under the amendment are electrical appliances, personal computers, medical devices, remote controlled toys and video games integrated with communication modules.

For inquiries, please contact:-

**Standards Development Department
Technology and Society Division
Malaysian Communications and Multimedia Commission
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan**

Tel: +60 (3) 86 88 80 00 Fax: +60 (3) 86 88 10 00

www.mcmc.gov.my